

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

"Rumah Ku, Syurga Ku"



BIL: 1/2001

ISSN 012-5912

NASKAH PERCUMA

* JAN-FEB 2001

RM92 Juta Bagi Mengurus Rumah Awam



Bagi tahun 2001 DBKL dijangka akan membelanjakan sejumlah RM1,299 juta.

Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 5.3% dari peruntukan tahun 2000. Pendapatan pula dijangka berjumlah RM1,021.83 juta iaitu penurunan sebanyak RM80.24 juta atau 7.3% dari anggaran pendapatan tahun 2000.

Dari jumlah belanjawan tersebut RM 784.22 juta atau 60.4% untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM 514.86 juta atau 39.6% adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus bertambah sebanyak 16.5% sementara perbelanjaan pembangunan berkurangan sebanyak 8.02% jika dibandingkan

dengan belanjawan tahun 2000. Penurunan ini kerana peruntukan Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia ke 8 masih belum diambil kira. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff memberitahu baru-baru ini.

Menurut beliau, perbelanjaan mengurus akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap perkhidmatan perbandaran. Untuk ini sejumlah RM259.86 juta atau 33% diperuntukkan untuk kerja-kerja pembersihan, pengurusan pasar, penjaja dan kesihatan.

"Bagi menyanggah jalan dan pengurusan lalulintas sejumlah RM99.53 juta diperuntukkan. Untuk kerja-kerja pengindahan pula sejumlah RM92.78 juta diperuntukkan. Sementara RM91.58 juta diperuntukkan untuk pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam dan RM 46.17 juta diperuntukkan bagi penguatkuasaan undang-undang," katanya.

Bersambung ke m.s. 12



PPR Desa Tun Razak

RUMAH KITA YANG SELESA DAN SELAMAT



TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

Perubahan sosial secara umumnya adalah satu fenomena multi-dimensi yang mempunyai kesan terhadap masyarakat dan struktur sosio-ekonomi. Perubahan sosial mempunyai kaitan sebab akibat dan bertindak sebagai ciri-ciri penentu kedudukan sesebuah masyarakat. Ia merupakan transformasi budaya dan institusi dalam tempoh berterusan atau jangka panjang. Satu proses yang menghasilkan kesan positif dan negatif dalam perubahan sosial, masyarakat dan budaya. Kediaman rumah pangsa hasil proses urbanisasi dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia.

Aspek sosial, kemasyarakatan dan keselamatan merupakan aspek yang penting kepada kehidupan penghuni Perumahan Awam di Kuala Lumpur. Ia meliputi isu dan masalah hubungan kekeluargaan, hubungan dan semangat kejiranan, hubungan kaum, masalah sosial dan kesesakan, penyerapan budaya rumah pangsa, masalah keceriaan dan kebersihan kawasan, keselamatan serta isu warga tua.

Keselesaan rumah kita bukan hanya terletak kepada ruang yang lebih besar dan bilangan bilik yang banyak tetapi banyak bergantung kepada gelagat penghuni yang mendiami rumah tersebut. Oleh itu prinsip Rumah Ku Syurgaku itu memberi pendekatan supaya semua anggota keluarga mempunyai tanggungjawab untuk menjaga keharmonian rumahtangga dengan mengamalkan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Agama.

Kita harus menerima hakikat bahawa rumah satu atau dua bilik ini akan menimbulkan kesulitan dan ketidakselesaan kepada anggota keluarga yang ramai dan ia merupakan perubahan sosial urbanisasi. Seringkali juga wujud masalah pertengkaran antara ahli keluarga, kurangnya privacy dan ada ahli yang hanya menjadikan rumah sebagai tempat tidur sahaja dan akan mendapatkan keselesaan di luar rumah seperti di taman rekreasi dan pusat perniagaan.

Oleh yang demikian kerajaan dan DBKL telah merancang dan sedang membina rumah 3 bilik tidur dan mempunyai 2 bilik air kepada semua kos

rendah yang dibina di Kuala Lumpur untuk menampung keperluan keluarga yang lebih besar. Di samping itu Jabatan Pengurusan Perumahan akan membelanjakan sebanyak RM2.5 juta dalam tahun ini untuk melaksanakan kerja membina dan menaik taraf kemudahan awam yang sedia ada seperti kemudahan permainan kanak-kanak, gelanggang sepak takraw, badminton dan bola jaring dan melengkapkan kemudahan tempat duduk di kawasan lapang untuk warga rumah pangsa beristirehat selepas penat bekerja seharian.

Bagi tujuan kemudahan warga tua, kemudahan kesihatan tapak reflexology akan dibina. Dewan-dewan yang sedia ada akan dibaiki dan dinaik taraf supaya lebih selesa dan kemas. Projek-projek kecil ini diharap akan menjadikan kawasan rumah kita lebih ceria, selesa, indah dan menggalakkan hubungan antara penghuni dan jiran tetangga dengan lebih baik lagi.

Menyentuh aspek keselamatan di rumah pangsa, tahun yang lebih giat akan dijalankan di sepanjang tahun 2001 ini. Pihak penyenggaraan PPS sedang dan akan membuat pemeriksaan yang lebih teliti dan penggantian yang berjadual kepada alat pencegahan kebakaran dan peralatan pemasangan pemadam api. Dalam tempoh yang sama mengenai Kempen Pencegahan Kebakaran dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Pasukan Penyelamat bagi menyedarkan penghuni dan menambahkan pengetahuan mereka mengenai bahaya kebakaran supaya tidak mengambil sikap sambil lewa.

Pemeriksaan dan penggantian berjadual yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dan penyeliaan yang rapi oleh kakitangan teknikal di Jabatan ini akan menjadi keutamaan sepanjang tahun ini. Pihak pengurusan perumahan akan berterima kasih sekiranya kejadian vandalisma yang terus berlaku terutama di atas kemudahan lif dan alat pencegahan kebakaran yang diganti ini akan sedia kekal dan akan berfungsi apabila ia digunakan. Sama-sama kita menjaga dengan baik alat-alat pencegahan kebakaran yang disediakan supaya sentiasa dalam keadaan yang baik dan dapat digunakan jika keadaan memerlukannya.

Akhirnya apa yang perlu ditekankan sementara DBKL membelanjakan peruntukan yang tinggi untuk menjadikan rumah kita selesa dan selamat, pihak pengurusan menyeru kepada semua penghuni rumah kita dapat terus bekerjasama menjadikan rumah yang kita diami ini lebih bersih, kemas dan indah. Dengan adanya perlantikan kontraktor-kontraktor kebersihan yang baru diharapkan mampu meningkatkan kebersihan kawasan rumah pangsa DBKL selari dengan perubahan masa dan kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan akan memantau kebersihan kawasan yang lebih kerap lagi.

Di samping itu di kalangan penghuni akan terus digalakkan mempunyai sikap kerjasama, hormat-menghormati, prihatin menjaga kemudahan awam dengan mengurangkan vandalisme, meningkatkan kerja kesukarelawan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan mengamalkan sikap tegur menegur sesama jiran tetangga bagi kebaikan bersama. Kehidupan yang lebih berkualiti akan dapat dicapai dalam tempoh yang singkat, kawasan rumah kita dan akhirnya akan mewujudkan kota dan wargakota yang sejahtera.

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

Pengedaran

Mohd Rushdan bin Mohd Ishak
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran
Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Tel. No. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	— 26916011
Aduan Awam DBKL	— 26934531
Hot Line (24 jam)	— 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan	— 26938166
Perumahan	samb. 125/126
Pej. Zon 1	— 9734513
Pej. Zon 2	— 92215505
Pej. Zon 3	— 40420340
Pej. Zon 4	— 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur

Bersikap Lebih Profesional

Wan Abdullah Ghani

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam cabaran zaman teknologi maklumat masa kini, nilai-nilai kemasyarakatan seperti nilai-nilai akhlak, moral dan kesopanan kian terhakis. Akibatnya sudah tentu akan berdepan dengan pelbagai isu dan ancaman yang lebih global sifatnya. Ini sedikit sebanyak memberi kesan dan perubahan yang besar kepada masyarakat.

“Nilai-nilai murni yang diwarisi sejak turun menurun mula ditandingi oleh nilai-nilai negatif yang lama kelamaan meruntuhkan sistem nilai masyarakat. Berikutan dengan itu, cabaran-cabaran yang lebih besar terpaksa dipikul oleh pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya dalam melaksanakan tugas seharian bagi mengawal tingkah laku masyarakat yang semakin canggih,” ujar Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan Bandar, Haji Ruslin Haji Hassan dalam pertemuan dari hati ke hati dengan pegawai-pegawai Jabatan Pengurusan Perumahan baru-baru ini.

Beliau berkata, pentadbiran atau pengurusan yang cekap dan berkesan amat penting dalam mencapai matlamat jabatan. Begitu juga perlunya kakitangan DBKL bersikap profesional dalam menjalankan tugas-tugas seharian kerana profesionalisma merupakan satu konsep yang memberi penekanan terhadap kaedah dan tatacara yang perlu diikuti dalam melaksanakan tugas, iaitu tindakan



Dari kiri Haji Salleh Yusup, Haji Ruslin Haji Hassan dan Encik Ramly Othman

yang diambil tidak akan dilihat sebagai bermaksud untuk mendera orang ramai tetapi lebih bertujuan mendisiplinkan mereka yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini, syarat utama yang diperlukan bagi menjadikan kakitangan lebih bersifat profesional dalam menjalankan tugas ialah ke-sanggupan untuk berubah daripada mengamalkan corak pentadbiran lama kepada sebuah pentadbiran yang lebih proaktif dan responsive kepada perubahan fleksibel dan lebih berorientasikan pelanggan. Sesuatu jabatan tidak boleh mencapai kecemerlangan sekiranya dikongkong oleh paradigma pengurusan lama yang hanya menggunakan rasionalisasi yang lapuk dalam menangani isu-isu semasa di samping ia tidak langsung berorientasikan perubahan dan hanya sesuai dalam keadaan persekitaran yang statik.

Bagi menghadapi cabaran ini, Haji Ruslin Hassan berharap kakitangan DBKL dapat memperlengkapkan diri dengan tahap disiplin yang tinggi, kemahiran yang mantap serta menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada untuk membolehkan menangani masalah-masalah yang ditimbulkan oleh setiap individu atau masyarakat khususnya yang berurusan dengan DBKL.

Beliau berharap pekerja-pekerja Jabatan Pengurusan Perumahan dan juga jabatan-jabatan lain di DBKL dapat merangka dan membuat satu perubahan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian agar dapat mencapai matlamat setiap jabatan dan DBKL secara keseluruhannya. Setiap tindakan yang diambil hendaklah tidak dibuat secara melulu tetapi ia perlu mengambil kira akan kesan dan akibatnya sama ada ia boleh menjejaskan imej jabatan atau imej organisasi DBKL sendiri. Masyarakat harus diberi penjelasan terlebih dahulu terhadap setiap tindakan diambil terhadap mereka. Ini penting bagi mengelakkan sebarang salah anggap lebih-lebih lagi setiap tindakan DBKL selama ini seringkali dipersoalkan oleh masyarakat dan media massa atau elektronik.

Sebagai sebuah jabatan yang menjadi tumpuan utama khususnya dalam penawaran sewa/jual rumah kos rendah, banyak perkara yang perlu diberi penekanan dalam segala tugas dan tanggungjawab yang dijalankan. Dengan adanya dasar-dasar yang dirangka serta panduan-panduan dalam setiap peraturan diharapkan tindakan yang diambil akan lebih terancang dan mencapai objektif untuk melihat kualiti disiplin kakitangan terus dipertingkatkan.



Antara Pegawai-Pegawai Perumahan yang hadir dalam majlis tersebut